

# Taman Medan sasaran penculik?

PETALING JAYA 10 Jan. - Faktor kawasan Taman Medan dan sekitarnya di sini serta Wangsa Maju di Kuala Lumpur sebagai dua lokasi penculikan dan tempat meninggalkan mangsa culik bukan lagi kebetulan tetapi mempunyai kaitan yang tidak boleh diketepikan.

Dua kejadian culik terbaru melibatkan kanak-kanak Sharlinie Mohd. Nashar semalam dan Nur Fatiha Zaidi, 6, di perkarangan flat Desa Sepakat Sri Manja kelmarin, mungkin dilakukan oleh orang sama.

Apatah lagi jarak antara kedua-dua lokasi tersebut hanya dipisahkan kira-kira dua kilometer sahaja.

Difahamkan, selain kejadian itu, terdapat satu lagi cubaan menculik di Taman Medan menggunakan kereta beberapa hari sebelum itu, tetapi tidak dilaporkan penduduk kerana mangsa berjaya diselamatkan.

Selain itu, kes Allahyarham Nurin Jazlin Jazimin yang hilang di pasar malam, Seksyen 1, Wangsa Maju, Kuala Lumpur, Ogos lalu dan mayatnya di ditemui Taman Petaling Utama, PJS1 juga berhampiran Taman Medan.

Turut menjadi pilihan penculik ialah di kawasan Kampung Baru dengan sebanyak empat kes dilaporkan pada Jun dan Julai tahun lalu.

Meskipun memiliki pondok-pondok polis dan sekatan jalan raya yang kerap seperti di Taman Medan, namun masih gagal menghalang perbuatan penjenayah ini.

Ditanya mengapa penjenayah ini memilih lokasi seperti tersebut untuk melakukan jenayah, polis tidak menolak kemungkinan disebabkan kedudukan rumah yang rapat antara satu sama lain.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed berkata, seperti di Taman Medan, jarak antara sesebuah rumah agak sempit.

"Keadaan itu diburukkan pula dengan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan itu. Mungkin faktor-faktor ini menyumbang kepada berlakunya kes-kes jenayah," katanya di sini hari ini.

Beliau mengulas kejadian kes-kes culik melibatkan kanak-kanak di Taman Medan, Wangsa Maju dan Kampung Baru yang kini menjadi sasaran penculik.